



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 18 SEPTEMBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PESAWAH BUKIT RAMBAI BOLEH TANAM LIMA MUSIM BERMULA 2028, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	TANAMAN KOPI PERAK BERI HASIL TINGGI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	
3.	PROJEK PERIKANAN BANDAR, LOMBONG PPRT CHANGKAT TIN, UMUM, M/S – 27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	PADI FARMERS BRACE FOR HUGE LOSSES AFTER WATER SHORTAGE, NATION, THE STAR, M/S – 12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
5.	KOSMETIK HASIL INOVASI SISA NANAS, WANITA & KELUARGA, BERITA HARIAN, M/S – 19	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
6.	HARGA KEMBUNG NAIK RM20 SEKILO, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 20	LAIN – LAIN
7.	HARGA IKAN KEMBUNG NAIK HINGGA RM20 SEKILOGRAM, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	
8.	SKUAD BURU PEMANGSA, SANTAI, HARIAN METRO, M/S – 33	
9.	ANCAMAN IKAN BANDARAYA, SANTAI, HARIAN METRO, M/S – 34	
10.	FLAVOURS OF EAST M'SIA FOR ALL, NATION, THE STAR, M/S – 12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Pesawah Bukit Rambai boleh tanam lima musim bermula 2028

MELAKA: Sektor pertanian Melaka akan memasuki fasa baharu apabila projek Sistem Pengairan Bukit Rambai bernilai RM50 juta di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Klebang berada di peringkat akhir pengambilan tanah dan ditender tahun depan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, Datuk Lim Ban Hong berkata, projek mega yang dijangka siap menjelang 2028 itu membolehkan pesawah menanam padi lima musim dalam tempoh dua tahun berbanding empat musim ketika ini.

“Apabila projek ini siap sepenuhnya, hasil padi sehektar dijangka meningkat dengan ketara dan seterusnya menambah pendapatan 180 pesawah yang mengusahakan kira-kira 815 hektar sawah padi di kawasan ini.

“Ini juga seiring dengan hasrat kerajaan untuk memperkukuh keterjaminan ma-

kanan negara serta mengurangkan kebergantungan terhadap beras import,” katanya selepas menyaksikan demonstrasi penggunaan dron penaburan benih padi di kawasan penanaman padi Bukit Rambai di sini, semalam.

Ban Hong berkata, kerajaan turut memperuntukkan RM2 juta bagi pembinaan infrastruktur sokongan di kawasan tumpuan (stress area) yang sering mengalami kekurangan bekalan air seperti Kampung Pinang dan sekitarnya.

“Projek infrastruktur sokongan ini sedang berjalan dan dijangka siap awal tahun depan sebagai penyelesaian sementara sebelum Sistem Pengairan Bukit Rambai siap sepenuhnya.

“Dengan adanya kedua-dua projek ini, kita yakin pesawah dapat mengusahakan tanaman secara lebih sistematik, moden dan produktif,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Tanaman kopi Perak beri hasil tinggi

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

Oleh NORLIA RAMLI
utusannews@mediamulia.com.my

GERIK: Pelbagai jenis tanaman telah dicuba, namun tanaman kopi Perak varieti *Liberica* paling berjaya diusahakan oleh seorang penduduk Kampung Selarong, Pengkalan Hulu dekat sini.

Hazian Hamid, 65, berkata, sejak lima tahun lalu dia mencuba menanam betik, pisang dan sebagainya di atas tanah wakaf yang dimohonnya melalui Baitulmal seluas lebih kurang tiga ekar tetapi pelbagai cabaran terpaksa dihadapi, sedangkan hasil tidak seberapa.

"Atas nasihat Pejabat Pertanian Daerah, pada 2022 saya beralih menanam kopi varieti *Liberica*. Mereka banyak tunjuk ajar saya yang bermula daripada menyemai benih, menanam, membaja dan menjaga pokok sehinggalah penuaian buah mereka mengajar saya, penjualan pun mereka bantu



HAZIAN Hamid menunjukkan pokok kopi Perak varieti *Liberica* yang diusahakannya di Kampung Selarong, Pengkalan Hulu, Perak.

saya dapatkan pemborong biji kopi.

"Banyak ilmu dan tunjuk ajar yang mereka berikan kepada saya, malah mereka juga banyak menyalurkan pelbagai bentuk bantuan seperti biji benih, anak pokok, baja, paip air dan sebagainya bagi membolehkan saya terus mengusahakan tanaman kopi ini," katanya.

Bantuan yang diterima Hazian selari dengan pelan Perak Sejahtera 2030 di bawah

niche Hulu Perak sebagai daerah pertanian berteknologi tinggi untuk meningkatkan pengeluaran dan juga mempromosikan ekonomi berasaskan biodiversiti, khususnya melalui pelancongan warisan dan ekopelancongan.

Inisiatif itu bertujuan untuk mengarusperdanakan ekonomi daerah melalui pendekatan yang mampan dan lestari.

Ia juga selaras dengan *flagship* pertama Perak Sejahtera 2030 iaitu Lembah Bakul Makanan

Malaysia (Sekuriti Makanan) dan *flagship* kelima, Program Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat iaitu 1 Keluarga 1 Usahawan cetusan berwawasan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad bagi memacu negeri ke arah kemajuan rakyat.

Hazian berpuas hati apabila Jabatan Pertanian juga membantunya mendapatkan pasaran untuk menjual biji kopi dan biasanya syarikat Kopi Sik sering mendapatkan bekalan daripadanya.

Katanya, kopi Perak varieti *Liberica* mempunyai rasa premium yang unik dengan aroma buahnya yang kuat, rasa kurang pahit dan kandungan kafein yang lebih rendah dibandingkan kopi lain.

"Saya bercadang untuk dapatkan mesin memproses biji kopi, jika boleh saya mahukan sebuah mesin memproses kulit biji kopi, mesin pemanggang biji kopi, mesin penghancur sehinggalah ke peringkat pembungkusan.

"Saya harap Jabatan Pertanian dan agensi-agensi berkaitan dapat membantu saya untuk merealisasikan impian dan harapan ini bagi mengembangkan lagi penanaman serta penghasilan

produk kopi ke peringkat yang lebih tinggi," katanya.

Menurut Hazian, kopi Perak jenis *Liberica* mempunyai daya tahan terhadap penyakit dan dapat tumbuh di berbagai ketinggian, memungkinkan fleksibiliti dalam penanamannya.

Penanaman pokok kopi itu juga katanya tidak banyak kerosakan ataupun masalah, kurang penyakit dan setelah ditanam dan membesar, ia tidak perlu penjagaan terlalu rapi.

Katanya, cuma tanaman memerlukan baja yang cukup, siraman air jika musim kemarau dan kurang serangan serangga perosak lantas membolehkan anak pokok sebanyak 1,500 membesar dengan baik.

"Setahun saya boleh menuai hasil sebanyak dua kali, sehingga kini saya berhasil menuai buahnya sebanyak lima kali yang bermula hanya 500 kilogram (kg) dan kini hampir 1,500kg.

"Setakat ini hanya saya seorang sahaja yang mengusahakan tanaman ini dan dibantu oleh keluarga tetapi apabila musim menuai saya beri peluang pekerjaan kepada orang kampung untuk mengutip kopi-kopi yang telah masak," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2025	KOSMO	UMUM	27



Projek Perikanan Bandar, Lombong PPRT Changkat Tin

Lombong seluas 8 hektar ini merupakan Lombong Rizab Nelayan Darat di bawah seliaan Jabatan Perikanan Negeri Perak. Ia dikenali sebagai Lombong Komuniti Projek Perikanan Bandar PPRT Changkat Tin iaitu satu inisiatif Kerajaan Negeri Perak bagi membantu golongan nelayan darat serta kumpulan B40 yang terjejas sumber pendapatan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sejak tahun 2020, sebanyak 12 buah lombong di sekitar daerah Kinta dan Kampar telah

dilibatkan dalam projek Komuniti Perikanan Bandar, dan lombong PPRT Changkat Tin merupakan salah satu lokasi utama di daerah Kinta.

Selain menjana pendapatan kepada peserta, ia juga telah memberikan peluang kepada masyarakat kampung, khususnya pemancing untuk menikmati pengalaman memancing di PPB PPRT Changkat Tin. Ia secara tidak langsung mampu merapatkan silaturahim sesama penduduk terutamanya antara golongan muda dan tua.

Padi farmers brace for huge losses after water shortage

MORE than 3,000 padi farmers working over 15,000ha of rice fields in Kota Baru, Kelantan, are bracing for devastating losses with yields expected to plunge by 80%.

According to Kelantan Paddy Farmers Association chairman Zuha Ismail, the drastic drop is due to insufficient water supply during the sowing period in June and July, *Berita Harian* reported.

He said the worst-affected areas include the north and south of Kota Baru, as well as Pasir Puteh, Bachok, Tumpat and parts of Pasir Mas.

"The sowing process began in June and July, and a consistent

water supply is critical at that stage.

"Sadly, water from the Kemubu pumping station was not channelled to the fields within the required period," he said.

Zuha said the prolonged delay left many fields overrun with weeds instead of padi.

"Water from the Kemubu pumping station was only supplied from last month, and even then on a rotational basis, by which time the padi's condition could no longer be salvaged," he added.

He warned that the shortage could see yields drop by up to

80%, leaving farmers unable to repay their debts.

"This situation is extremely distressing for us as we depend entirely on paddy for our livelihood," he said.

The farmers urged the Kemubu Agricultural Development Authority to urgently address their problems.

> A small cendol stall at a bus stand in Kuala Pilah, Negri Sembilan, has been a local favourite for more than 70 years, *Utusan Malaysia* reported.

Stall owner Abu Backer Sithiq Mustafa, 65, is continuing his late father's legacy.

His father began the business in the 1950s, selling cendol from a cart at the bus stand.

"When I was a child, I often helped my father. After he passed away in 1970, I had to quit school and keep the business going in order to support my three younger siblings.

"Until today, I still use his original recipe. All the ingredients are prepared the traditional way to ensure the taste remains the same," he said.

> The daily also reported that the public and school holiday season has brought a surge of tourists to Terengganu, with hotels

and homestays fully booked.

Malaysia Association of Hotels Terengganu chapter chairman Suaibah Harun said the strong demand has forced hotels to reject last-minute bookings via phone calls or walk-ins.

"I am optimistic that the trend will continue until year-end with holiday promotions attracting more tourists to the state," she said.

Besides the beaches and islands, Suaibah said tourists are also drawn to local markets such as Pasar Payang, as well as landmarks like the Crystal Mosque and the Terengganu Drawbridge.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2025	BERITA HARIAN	WANITA & KELUARGA	19



Kosmetik hasil inovasi sisa nanas

Bapa cetus idea, Nur Firzana sabar tunggu empat tahun siapkan tiga produk pertama

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhrencana@bh.com.my

Pernah diketawakan hanya kerana melontarkan idea, menjadikan lambakan sisa industri pengetinan nanas sebagai bahan asas produk kosmetik.

Itulah pengalaman pahit yang tidak mungkin dilupakan Pengarah Ensutouch Cosmetic, Nur Firzana Suhana Husin.

Segala-galanya bermula ketika beliau berjumpa seorang pengusaha ladang nanas di selatan tanah air.

Tujuannya, hanya mahu mendapatkan bahan buangan yang sering dipandang sepi. Namun, reaksi diterima hanyalah senyuman sinis dan ketawa kecil.

"Pengalaman itu tidak melelahkan saya. Sebaliknya, pembakar semangat merealisasikan impian yang lama terpendam," katanya kepada BH.

Sekitar sembilan tahun lalu, bapanya, Dr Suhana Husin Misnan yang juga pengasas syarikat, mencetuskan idea berani itu.

Melihat kepada data, hanya 60 hingga 70 peratus daripada 323 tan nanas digunakan dalam industri pengetinan, manakala selebihnya berakhir sebagai sisa.

"Daripada situ, lahirilah konsep *waste to wealth, wealth to health, health to beauty*. Kami mahu memberi nilai tambah kepada biomass nanas ini dan menjadikannya bahan aktif kosmetik," katanya.



Nur Firzana menunjukkan Anugerah Nanas Inovasi dan produk kosmetik yang dihasilkan.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Sebelum ini, sisa nanas hanya dijadikan baja atau makanan haiwan. Oleh itu Nur Firzana berhasrat membawa ke lainan, melahirkan produk kosmetik tempatan berasaskan sisa nanas, yang belum pernah dilakukan.

Namun, usaha itu tidak mudah. Hampir setahun mereka ke banyak ladang nanas untuk mendapatkan bekalan sisa, tetapi semuanya menemui kegagalan.

Akhirnya, sinar harapan muncul apabila mereka diperkenalkan kepada sebuah ladang MD2 di Ulu Tiram, Johor oleh Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM). Sejak itu, kerjasama terjalin erat dan menjadi sumber utama penghasilan produk.

Beri nilai tambah

Empat tahun masa diambil hanya untuk menyiapkan tiga produk pertama. Jambul, kulit dan empulur nanas digunakan untuk menghasilkan bahan aktif dinamakan Bromex Bio-active, yang nilainya mencecah sehingga RM8,000 sekilogram di pasaran luar negara.

"Bahan aktif ini memberi nilai tambah kepada sesuatu yang dianggap tiada harga. Syukur kerana idea bapa yang berpengalaman dalam bioteknologi akhirnya berhasil," jelas graduan Pengurusan dan Perniagaan UITM itu.

Bagi memastikan produk terbukti berkesan, mereka bekerjasama dengan 12 saintis dari SIRIM bagi menjalankan kajian

penyelidikan dan pembangunan. Hasilnya, enzim bromelain nanas ini terbukti mampu mencerahkan kulit, bertindak sebagai agen antipenuaan dan melembapkan kulit seawal enam jam selepas digunakan.

Semua produk dikilangkan sendiri di fasiliti milik mereka yang memiliki sijil GMP, Halal, HACCP dan ISO 9001/2015.

Pada 2019, tiga produk pertama, pencuci muka, serum dan *sleeping mask* akhirnya dipasarkan.

Kini selepas lima tahun, lapan produk dihasilkan dan berjaya menembusi pasaran Indonesia.

"Saya berbangga apabila usaha ini diterima ramai. Walaupun berdepan rintangan pada awalnya, ternyata ia tidak sia-

sia," katanya.

Harapannya kini, produk kosmetik enzim teknologi pertama Malaysia itu mampu menembusi pasaran lebih luas, termasuk Brunei, Arab Saudi dan Korea.

Baru-baru ini, syarikat itu meraih Anugerah Nanas Inovasi sempena Hari Nanas Malaysia 2025 yang berlangsung di Karnival Jom Heboh di Johor. Ia melengkapkan senarai pengiktirafan yang pernah diterima, termasuk Pingat Perak Anugerah Inovasi di Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2018.

"Pengiktirafan ini membuktikan usaha inovasi kami diiktiraf dan diterima industri," katanya, yang juga ibu kepada dua anak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2025	HARIAN METRO	LOKAL	20



AZMAN (kanan) melayan pelanggan di Pekan Kuala Kedah.

Harga kembung naik RM20 sekilo

Kuala Kedah: Harga pasaran ikan kembung meningkat kepada RM18 hingga RM20 sekilogram (kg) disebabkan hasil tangkapan berkurangan akibat cuaca tidak menentu.

Peniaga ikan, Azman Nayan, 56, berkata, ikan kembung sukar diperoleh ketika ini disebabkan ombak kuat yang melanda perairan Kuala Kedah selain ramai nelayan tidak turun ke laut.

“Ombak besar yang melanda sejak 10 hari lalu menyebabkan harga ikan kembung paling ketara daripada RM6 (kecil), RM8 (sederhana) dan RM10 (besar) meningkat sehingga RM12, RM18 hingga RM20 sekilo.

“Bagaimanapun, ikan

lain seperti gerut-gerut masih kekal dengan RM24 sekilogram, ikan jenahak RM38 sekilogram, cencaru RM8 sekilogram, ikan kacang RM14 sekilogram manakala sotong pula RM14 sekilogram,” katanya di pelantar ikan di Pekan Kuala Kedah, semalam.

Azman berkata, nelayan hanya memperoleh hasil tangkapan yang sedikit walaupun turun ke laut jam 6 petang hingga jam 5 pagi manakala yang turun awal pagi pula akan pulang petang.

Nelayan, Ismail Ahmad, 57, berkata, ombak kuat terutama pada waktu petang dan awal pagi menyebabkan nelayan takut dan pulang lebih awal ke pelantar.

Harga ikan kembung naik hingga RM20 sekilogram

Ombak kuat di Kuala Kedah jejas bekalan

kata ikan kembung sukar diperoleh ketika ini disebabkan ombak kuat melanda perairan Kuala Kedah, selain ramai nelayan tidak ke laut.

Katanya, keadaan ombak besar sejak 10 hari lalu menyebabkan harga ikan kembung daripada RM6 (kecil), RM8 (sederhana) dan RM10 (besar) meningkat sehingga RM12, RM18 hingga RM20 sekilogram.

"Ikan kembung paling banyak permintaan daripada pelanggan, tetapi kami menjualnya bergantung pada nasib. Kalau ada, ada lah.

"Bagaimanapun, ikan seperti gerut-gerut masih kekal RM24 se-



Azman (dua dari kanan) tetap berniaga seperti biasa di Pekan Kuala Kedah walaupun bekalan ikan berkurangan (Foto Zulhary Zulkiffli/BH).

kilogram, jenahak RM38, cencaru RM8, ikan kacang RM14, manakala sotong RM14," katanya di pelantar ikan di Pekan Kuala Kedah, semalam.

Hasil tangkapan kurang

Azman berkata, hasil tangkapan nelayan kurang walaupun turun ke laut pada jam 6 petang hingga 5 pagi.

Katanya, biasanya sebelum ini

dia menjual 100kg pelbagai jenis ikan dan hasil laut lain, namun sejak cuaca tidak menentu, hanya dapat menjual 40kg ikan dan hasil tangkapan laut lain.

"Itu pun ramai pelanggan datang cari ikan, terutama ikan kembung tetapi saya hanya menjual hasil ikan yang ada," katanya.

Nelayan, Ismail Ahmad, 57, berkata ombak kuat terutama

pada petang dan awal pagi menyebabkan nelayan takut dan pulang lebih awal ke pelantar.

Dia keluar menangkap ikan bersama rakannya jam 6 pagi pulang ke pelantar pada jam 10 pagi hanya memperoleh ikan antara 10kg atau 20kg.

"Bagaimanapun hasil tangkapan ikan kembung tidak banyak dan kami jual apa yang ada," katanya.

18/9/2025

BERITA
HARIAN

NASIONAL

18

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2025	HARIAN METRO	SANTAI	33



SKUAD BURU PEMANGSA

SPIA aktif tangkap ikan bandaraya, selamatkan sungai dan populasi ikan air tawar tempatan

FOKUS

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@tmnet.com.my

Menyelam hingga kedalaman tiga meter air sungai yang keruh untuk melepaskan jala yang tersangkut pada tunggul kayu.

Itu antara tindakan berisiko yang dilakukan ahli Persatuan Skuad Pemburu Ikan Asing (SPIA) dalam aktiviti memburu ikan bandaraya.

Ini kerana mereka terdedah kepada risiko ancaman serangan buaya di Sungai Klang dan Sungai Langat, Selangor yang menjadi lokasi utama

memburu ikan berkenaan.

Pengasas dan pengurus SPIA Mohamad Haziq A Rahman berkata, penggunaan jala adalah kaedah penangkapan paling efektif kerana dapat menyelamatkan hidupan akuatik dalam sungai itu.

"Sekiranya ada ikan air tawar tempatan yang tersangkut di jala, ia boleh

dilepaskan segera ke sungai bagi mengelakkan mati.

"Ada juga yang bertanya kenapa tidak tangkap ikan bandaraya menggunakan pukat tunda kerana dapat mengelakkan daripada menyelam masuk dalam sungai demi keselamatan

"Ini kerana penggunaan peralatan itu (pukat tunda) boleh memusnahkan habitat hidupan akuatik di sungai berkenaan," katanya.

Menurutnya, aktiviti menangkap ikan bandaraya dilakukan tidak mengira waktu sama ada siang atau malam.

"Kami berkampung dengan memasang khemah selama tiga hari dua malam di tepi sungai bagi memudahkan aktiviti ini.

Tambahan pula liputan lokasi menangkap ikan bandaraya adalah luas di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali Pahang, Kelantan dan Kedah," katanya.



SEBAHAGIAN daripada ikan bandaraya yang ditangkap.

ANCAMAN IKAN BANDARAYA

Punca sungai cetek selain hapus ikan air tawar lain

FOTO: IHSAN MOHAMAD HAZIQ & RAHMAT

DARI MUKA 33

Mohamad Haziq berkata, persatuan SPFA mula aktif menangkap ikan bandaraya pada 2022 yang mana sebelum itu ahli-ahli persatuan berkenaan adalah kaki pancing ikan air tawar.

"Tetapi, kami berhadapan masalah kerana hanya mendapat ikan bandaraya sepanjang memancing.

"Kami turut alami situasi yang sama apabila memancing di negeri lain.

"Ikan asing termasuk ikan bandaraya adalah pemangsa yang memiliki sifat agresif dan boleh menghapuskan populasi ikan air tawar tempatan," katanya.

Katanya, bagaimanapun fokus utama ialah memburu ikan bandaraya kerana

populasinya terlalu banyak dan setakat ini berjaya menangkap sebanyak 58.6 tan.

Untuk rekod, spesies lain ikan asing yang turut ditangkap ialah lampam jawa (2.1 tan), tilapia (dua tan), keli afrika (350 kilogram), patin siam (220 kilogram), aligator gar (seekor), arapaima (dua ekor), ikan raja (150 ekor) dan baung ekor merah (32 ekor).

Lokasi tumpuan buruan ikan asing ialah di Sungai Langat, Sungai Damansara dan Sungai Klang.

"Ancaman lain ikan bandaraya ialah menyebabkan sungai menjadi cetek. Ini terjadi disebabkan sifat ikan itu membuat lubang hingga kedalaman satu meter di



SUNGAI antara lokasi menangkap ikan asing.



MENGGUNAKAN bot jika sungai dalam.



ANTARA ikan asing yang berjaya ditangkap.



MOHAMAD Haziq menunjukkan ikan bandaraya yang ditangkap.

Aktiviti menangkap ikan bandaraya dilakukan tidak mengira waktu sama ada siang atau malam

**MOHAMAD
HAZIQ**

sepanjang tebing sungai sebagai tempat bertelur.

"Tetapi, malangnya apabila hujan lebat dan air pasang mengakibatkan tebing terhakis serta tanahnya mendap ke sungai," katanya.

Mohamad Haziq berkata, ikan bandaraya paling besar yang pernah ditangkap ialah berukuran 0.6 meter seberat dua kilogram.

"Sebelum ini pelupusan ikan bandaraya dilakukan dengan cara menanam haiwan berkenaan.

"Sekarang kami menukar kaedah pelupusan ikan ini menjadi baja dan pelet dengan kerjasama syarikat swasta serta agensi kerajaan," katanya.



MENGELUARKAN ikan asing daripada bot.

Flavours of East M'sia for all

Pasar Borneo Masai serves up traditional delicacies

By MYSARA FAUZI
newsdesk@thestar.com.my

PASIR GUDANG: Come Sunday mornings in Masai, the air is thick with the aroma of fresh produce while voices of Iban, Kadazan, Bajau and other East Malaysians blend together. This is Pasar Borneo Masai, where a piece of Sabah and Sarawak comes alive in Johor.

At a covered field in Taman Megah Ria, about 90 traders transform the space into a bustling market, offering everything from pucuk paku and umbut kelapa sawit (oil palm shoots) to tarap fruit, salted fish, laksa paste, sago grubs and mee kolok.

For East Malaysians living in Johor, it is a taste of home.

Sabahani Hamidah Omar, 48, had her hands full of grocery bags when met at the market.

The housewife has been living in Johor for more than three decades but still makes the trip at least once a month.

"I usually come here for genjer, which is hard to find anywhere else in the peninsula. It's delicious stir-fried with belacan and it reminds me of my hometown," she said, adding that her children enjoy traditional Sabahan dishes too.

Hamidah said the produce here



Community hub: Josephine arranging vegetables and fruits at her stall; and Hamidah choosing fresh vegetables at Pasar Borneo in Taman Megah Ria, Masai.

is fresher and more affordable than other markets.

"The greens are young and tender, and a fresh bundle is just RM3," she said.

Among the traders is Sarawakian Josephine Jimbai, 52, who has been trading at the market for 20 years.

Her stall bursts with a variety of produce like kundang, dabai, tarap and cabai, alongside Sarawak laksa paste and sambal.

"This stall has helped me support my family while my husband works abroad," said the mother of four, who also chairs the Johor Sarawak Hawkers Association.

On good days, she takes home more than RM1,000 in sales.

What sets Pasar Borneo Masai

apart, she said, is its authenticity.

"Almost everything here comes from East Malaysia. That's what makes this market so special.

"This market thrives on diversity, with customers ranging from Malays and Chinese to Sabahans, Sarawakians and even those from Kuala Lumpur," Josephine added.

Another familiar face at the market is Lemba Anak Dangan, 46, who carefully arranges bundles of midin (wild fern) and pucuk paku at her stall.

Lemba and her husband moved from Sarawak to Johor in 2008 and she has been trading at Pasar Borneo ever since.

"On average, we earn about RM1,000 a week from sales, and

we occasionally return to Sarawak to replenish supplies.

"When travelling home isn't possible, we rely on small-scale farming here to keep our stall stocked," she said.

For Lemba, Pasar Borneo Masai is more than just a marketplace, it is also a community hub that keeps the culture of East Malaysia alive while introducing its flavours to others.

"Beyond business, the market symbolises unity. It shows how Malaysians can respect, support and celebrate each other," she said.

The place also embodies the spirit of muhibbah as vendors work side by side, often sharing stalls and helping each other

despite their different backgrounds, she added.

Looking ahead, Lemba hopes small traders like her will receive better facilities, training and assistance to help them grow.

"Small markets like this are more than economic platforms, they're also cultural bridges, bringing the richness of Borneo closer to the peninsula," she said.

For her, the message of Malaysia Day is simple: "Unity is not something to celebrate once a year. It should be embraced as a way of life."

"When Malaysians live in harmony and stand together, the whole country will prosper as a place where everyone shares equally in its progress."